Garis panduan penyediaan maklumat kempen di Portal Infaq UniSZA

BIL	PERKARA
1	**Sasaran dana:**
	Pastikan sasaran yang ditetapkan adalah: a. Realistik dan munasabah; b. Boleh dicapai dalam tempoh yang ditetapkan; c. Berdasarkan keperluan sebenar projek; dan d. Disesuaikan dengan potensi serta keupayaan pendana yang disasarkan.
2	***Copywriting* kempen:**
	Setiap kempen WAJIB menjawab persoalan-persoalan berikut bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah jelas, telus dan menyakinkan: a. Untuk apa dana ini digunakan? *(Nyatakan tujuan khusus serta komponen kos utama)* b. Bilakah kempen projek ini akan bermula dan dijangka selesai? *(Nyatakan tempoh pelaksanaan projek/kempen)* c. Mengapa orang ramai perlu menyumbang? *(Jelaskan keperluan, tahap urgensi serta nilai & kepentingan projek)* d. Apakah status terkini projek ini? *(Sama ada masih dalam perancangan/dalam pelaksanaan/telah siap)* e. Apakah impak kebaikan kepada penerima dan masyarakat? *(Huraikan kesan jangka pendek dan jangka panjang)* ***Semua maklumat ini boleh dikemaskini pada bahagian *about campaign/description* setiap kempen dalam Portal Infaq UniSZA**
3	**Penubuhan pasukan kempen/projek:**
	Setiap kempen/projek hendaklan mempunyai satu pasukan khas yang bertanggunggjawab terhadap: a. Penyelarasan dan pelaksanaan projek; b. Pengemaskinian kandungan kempen & laporan; dan c. Pemantauan pencapaian sasaran kutipan dana.